


**SEJARAH DAERAH JEMPOL: KEDATANGAN DAN PERKEMBANGAN
MASYARAKAT MINANGKABAU (1800-1980)**

**NOOR SHALIDA BINTI MOHD SHARIF
G 68622**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN
KEPUJIAN**

**JABATAN SEJARAH
PUSAT PENGAJIAN SEJARAH, POLITIK DAN STRATEGIK
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR
SESI 2003/2004**



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA.

**SEJARAH DAERAH JEMPOL: KEDATANGAN DAN PERKEMBANGAN
MASYARAKAT MINANGKABAU (1800-1980)**

DISEDIAKAN OLEH:

**NOOR SHALIDA BINTI MOHD SHARIF
G 68622**

Kertas Projek ini telah diterima oleh Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjanamuda Sastera (Dengan Kepujian) pada sesi 2003/2004

**Penyelia
(Prof Madya Dr. Khazin Bin Mohd. Tamrin)**

11-5-04

Tarikh

**Ketua Jabatan
(Prof Madya Dr. Khazin Bin Mohd. Tamrin)**

11-5-04

Tarikh

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

05 Mei 2004

NOOR SHALIDA BINTI MOHD SHARIF
G 68622

LATAR DIRI

Noor shalida binti Mohd Sharif dilahirkan pada 26 Disember 1980 di Hospital Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Palong Dua. Kemudiannya meneruskan pendidikan diperingkat sekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Palong Dua, sehingga tamat menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Seterusnya, beliau meneruskan pendidikan diperingkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia di Sekolah Tunku Abdul Rahman (STAR), Gemas, Negeri Sembilan. Tamatnya persekolahan beliau di sekolah berkenaan, kemudiannya beliau ditawarkan melanjutkan pelajaran diperingkat Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian iaitu di bawah Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia-Kolej Yayasan Melaka bagi sesi pengajian 2001/2004.

Tarikh

05 Mei 2004

Noor shalida binti Mohd Sharif

PENGHARGAAN



Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia serta keizinanNya telah menganugerahkan kekuatan dan keupayaan kepada penyelidik bagi menyiapkan Latihan Ilmiah ini dengan seadanya.

Penyelidik mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya. Dr. Khazin bin Mohd. Tamrin selaku penyelia yang telah banyak memberi dorongan, bimbingan, tunjuk ajar dengan kesabaran serta keyakinan yang diberikan untuk kesempurnaan kajian. Juga tidak dilupakan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Sejarah serta kakitangan Pusat Pengajian Sejarah, Politik & Strategi yang turut menghulurkan bantuan.

Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia serta Penghulu Daerah Jempol, En. Nazri bin Yunos. Seterusnya terima kasih juga kepada lain-lain pihak yang terlibat seperti Arkib Negara Malaysia, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, P. P. Cawangan Gemas, P.P Cawangan Bahau, Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM, Perpustakaan Jabatan Sejarah UKM, Jabatan kerajaan seperti Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan, Jabatan Perangkaan Negeri Sembilan, Pejabat Daerah dan Tanah Jempol serta penduduk-penduduk Daerah Jempol yang terlibat di dalam memberi kerjasama bagi melancarkan perjalanan kajian.

Penghargaan yang tidak terhingga khusus ditujukan kepada keluarga tercinta yang menjadi pendorong utama kejayaan. Kepada Ayahanda dan Bonda yang sentiasa mengiringi dengan doa, semangat, keyakinan dan sebagainya, tidak mungkin terhitung jasa yang telah kalian berikan bagi menempuh hari-hari yang mendatang sehingga ke saat ini.

Ucapan terima kasih juga tidak dilupakan kepada sahabat-sahabat seangkatan yang sama-sama berjuang menempuh cabaran dan dugaan sepanjang pengajian ini.

Sekian Terima Kasih.

NOOR SHALIDA BINTI MOHD SHARIF.
NO.448 PALONG DUA,
73450 GEMAS,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

ABSTRAK

Dalam Kertas Projek ini, penulis cuba untuk memaparkan tentang sejarah Daerah Jempol di Negeri Sembilan. Di samping itu juga penulis akan membicarakan mengenai kedatangan dan perkembangan masyarakat Minangkabau yang merupakan perantau dari Sumatera Barat, Indonesia. Pada bahagian pertama penulis akan mendedahkan mengenai Sejarah Hubungan Negeri Sembilan dengan Minangkabau serta faktor-faktor kedatangan mereka. Kedatangan mereka ke Negeri Sembilan dikatakan bermula sejak abad ke-14 lagi. Seterusnya, penulis akan memaparkan tentang latar belakang Daerah Jempol iaitu dari segi sejarah dan asal-usul nama Jempol. Manakala pada bahagian ke tiga, adalah mengenai sejarah penerokaan masyarakat Minangkabau ke Daerah Jempol. Pada bahagian ke empat, mengenai sosioekonomi dan perkembangan aktiviti masyarakat Minangkabau di Daerah Jempol. Bahagian yang terakhir pula adalah mengenai sistem politik masyarakat Minangkabau di Daerah Jempol.

KANDUNGAN**Halaman**

PENGAKUAN	II
LATAR DIRI	III
PENGHARGAAN	IV
ABSTRAK	V
KANDUNGAN	VI
SENARAI PETA	VII
SENARAI JADUAL	VIII
SENARAI GAMBAR	VIV
SENARAI KEPENDEKAN	VX

PENDAHULUAN

Pengenalan	1
Matlamat Kajian	2
Fokus Kajian	3
Kajian Lepas	4
Sumber Kajian	5
Masalah Kajian	8

BAHAGIAN SATU: SEJARAH HUBUNGAN NEGERI**SEMBILAN DENGAN MINANGKABAU.**

1.0 Pengenalan	10
1.1 Faktor-faktor yang merapatkan hubungan diantara negeri sembilan dengan minangkabau di	

SUMATERA.

1.1.1 FAKTOR LOKASI	11
1.1.2 PERSAMAAN BUDAYA MASYARAKAT	12
1.1.3 TRADISI MERANTAU	16
1.2 PROSES PENGHIJRAHAN MASYARAKAT MINANGKABAU KE NEGERI SEMBILAN	21
1.3 KESIMPULAN	26

BAHAGIAN DUA: LATAR BELAKANG DAERAH JEMPOL

2.0 PENGENALAN	27
2.1 SEJARAH JEMPOL	30
2.2 ASAL-USUL NAMA JEMPOL	31
2.3 KESIMPULAN	38

**BAHAGIAN TIGA: SEJARAH PENEROKAAN PENEMPATAN
DI JEMPOL.**

3.0 SEJARAH PENEROKAAN AWAL DI JEMPOL	40
3.1 SEJARAH PEMBUKAAN PENEMPATAN DI JEMPOL	43
3.2 SEJARAH LALUAN PENARIKAN DI JEMPOL	48
3.3 CARA MEMPEROLEHI TANAH	54
3.3 KESIMPULAN	58

**BAHAGIAN EMPAT: SOSIOEKONOMI MASYARAKAT
MINANGKABAU DI JEMPOL**

4.1 KEGIATAN EKONOMI MASYARAKAT MINANGKABAU DI JEMPOL	59
--	----

4.2 KEGIATAN SOSIAL MASYARAKAT	63
MINANGKABAU DI JEMPOL	
4.3 KESIMPULAN	69
 BAHAGIAN LIMA: STRUTUR POLITIK MASYARAKAT	
MINANGKABAU DI DAERAH JEMPOL.	
5.0 SISTEM POLITIK TRADISIONAL MASYARAKAT	70
JEMPOL	
5.1 PERANAN PENGHULU, LEMBAGA DAN BUAPAK	71
5.2 KESIMPULAN	75
 BAHAGIAN ENAM: KESIMPULAN	76
 LAMPIRAN	XIV
SENARAI RUJUKAN	XVII

SENARAI PETA

Peta 1: Kawasan Sumatera

Peta 2: Peta Lakar Sungai-sungai penting Laluan Adat
Perpatih ke Negeri Sembilan

Peta 3: Menunjukkan nama Negeri Minangkabau.

Peta 4: Mukim-mukim yang terdapat di Negeri Sembilan.

Peta 5 Kedudukan kampung-kampung di Daerah Jempol

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Jumlah Penduduk Mengikut Kaum di Daerah
Jempol pada tahun 1980

Jadual 2: Sekolah Melayu di Daerah Jempol pada abad Ke-19

Jadual 3: Masjid-masjid yang mengembangkan bidang
pendidikan di Daerah Jempol, Negeri Sembilan.

SENARAI GAMBAR

Gambar 1: Sekolah Pondok.

SENARAI KEPENDEKAN

JMBRAS The Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society

UKM Universiti Kebangsaan Malaysia.

P.P Perbadanan Perpustakaan

**BAHAGIAN TIGA:
SEJARAH PENEROKAAN PENEMPATAN DI DAERAH JEMPOL**

SEJARAH PENEROKA AWAL JEMPOL

Di Jempol terdapat pelbagai pendapat mengenai kedatangan peneroka yang terawal membuka kawasan ini. Namun begitu, tidak ada suatu bukti yang dianggap sahih bagi membuktikan pendapat-pendapat mereka. Pendapat yang pertama mengatakan Jempol telah diteroka oleh satu rombongan iaitu seramai sembilan orang sahabat karib yang berasal dari perkampungan Kerinci, Banjaran Gunung Berapi di Sumatera Utara bersama dengan keluarga masing-masing serta anak buah mereka. Masyarakat mereka ini amat digalakkan untuk merantau dan mencari harta kekayaan.

Kesembilan-sembilan mereka itu masing-masing keluar meninggalkan kampung halaman hinggalah sampai di muara Sungai Muar. Kemudian mereka mudik mengikut sungai itu hingga sampai pula ke Merbau Seratus yang kini

bernama Pasir Besar. Di situ, mereka membuka kampung hingga bertambah penduduknya.

Setelah subur tanah di situ dan ramai penduduknya, maka pada suatu hari mereka berunding untuk mencari tempat lain dengan mudik ke hulu sungai. Dengan persetujuan Ketua Besar, mereka meninggalkan Merbau Seratus tanpa Ketua Besar hingga tiba di Kuala Sungai Jelai. Mereka berpecah, ada yang menetap di situ, ada yang mengikut Sungai Jelai hingga sampai ke Johol dan ada yang mengikut jalan darat iaitu Bukit Mahligai Panjang yang kini bernama Jeram Padang.

Kemudian dari Bukit Mahligai Panjang, mereka melalui Bukit Peninjau iaitu Bukit Serting dan terus ke Bera, Pahang. Manakala mereka yang mengikut jalan sungai, sampai di satu kuala ketua mereka menyuruh mereka pergi melihat kawasan di tepi sungai. Setelah setengah hari berjalan mereka balik berjumpa dengan ketua dan melaporkan bahawa kawasan tersebut di sebelah hulu sangat jempol untuk dibuat ladang dan sawah serta perkampungan. Dengan itu, ketua mereka mengarahkan agar dijadikan kawasan tersebut sebagai kampung dan dinamakan Jempol serta sungainya pun turut bernama Sungai Jempol.

Setelah itu, mengikut catatan yang telah disahkan oleh Balai Penghulu Luak Jempol mengenai kedatangan awal masyarakat ke Jempol adalah bermula daripada empat keluarga iaitu empat suku. Suku-suku kaum tersebut datang ke Melaka dan seterusnya ke Batang Tiga. Di samping itu, dipercayai tempat yang mula-mula ditemui oleh peneroka Minangkabau yang datang ke Luak Jempol adalah di Jambu Lapan iaitu apabila mereka memudiki Sungai Muar hingga sampai ke Penarikan.

Empat suku tersebut adalah terdiri daripada suku Seri Melenggang yang diketuai oleh Juara Megat, Suku Tiga Batu diketuai oleh Susu Labuh manakala Suku Tanah Datar dan Suku Mungkal pula tidak diketahui nama ketuanya.²² Suku Seri Melenggang pada awalnya menetap di Tanah Bisa yang kini dipanggil Naning. Kemudian salah seorang daripada keturunan suku tersebut yang bernama Siti Awan telah berhijrah ke Anak Air Songsang di Jempol.

Dalam suku ini, terdapat tiga bahagian perut iaitu Perut Naning, Perut Pulau Sebang dan Perut Ampang Serong. Namun begitu, hanya terdapat dua orang buapak sahaja. Selain itu, gelaran lembaga bagi suku ini telah berubah mengikut perut yang menyandang Pesaka. Dengan itu, perut Naning akan bergelar Dato' Raja Senara. Manakala perut Pulau Sebang dan Ampang Serong ialah Dato' Jengkaya. Gelaran bagi buapak di perut Naning ialah To' Paduka Raja dan di perut Pulau Sebang dan Ampang Serong ialah To' Senara Kaya.

Peneroka awal kedua ialah suku Tiga Batu yang di ketuai oleh Susu Labuh. Suku Tiga Batu awalnya meneroka di Lubuk Kepung manakala Susu Labuh iaitu anak perempuannya pula menetap di Pulau Sebang. Kemudian Susu Labuh telah berhijrah dari Pulau Sebang ke Kuala Sungai Sialang.

Ketiga ialah Suku Tanah Datar yang berpindah ke Jumbang di Seri Menanti. Kemudiannya, anak cucu mereka inilah yang berhijrah ke Sungai Petaling di Jempol. Seterusnya yang terakhir ialah Suku Mungkal. Suku ini mula bertapak di Tanjung Bidara dan kemudiannya ke Pulau Sebang, Tampin. Dianggarkan pada pertengahan kurun ke-18, terdapat serombongan suku Mungkal dari Pulau Sebang yang di ketuai oleh Moyang Suhur dan isterinya Pauh. Mereka

²² Nathan, J.E. dan Winstedt R. *Papers on Malays Subjects*, Calcutta, Federated Malay States, 1920, hlm. 429.

datang meneroka di Kampung Majau, Ulu Jempol. Kedatangan rombongan berkenaan telah diceritakan dari mulut kemulut setiap generasi mereka.

3.1 SEJARAH PEMBUKAAN PENEMPATAN DI JEMPOL

Masyarakat Minangkabau yang datang ke Negeri Sembilan dipercayai lebih cerdik berbanding dengan penduduk tempatan. Mereka juga dikatakan sudah bertamadun kerana sudah menjadi kebiasaan mengamalkan cara hidup yang bercorak mengikut Adat Perpatih. Di samping itu, perkahwinan mereka dengan anak perempuan atau bersemenda menyebabkan mereka mudah untuk mempengaruhi penduduk tempatan agar melakukan perubahan dalam corak kehidupan masyarakat tempatan.

Telah dipercayai sebelum kedatangan masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan, negeri itu telah dibuka oleh masyarakat pribumi yang terdiri daripada kaum Sakai, Semang, dan Jakun. Setelah itu, kira-kira pada abad ke-14 datanglah perantau-perantau dari Sumatera Barat, Pagar Ruyung Minangkabau. Perantauan ini dipelopori oleh seseorang yang berketurunan Arab. Beliau bernama Sheikh Ahmad Makhdum atau lebih dikenali sebagai Sheikh Ahmad Linggi.²³


Sheikh Ahmad Linggi telah membuka kampung, sawah dan ladang di Negeri Sembilan dan juga di kawasan lain di Tanah Melayu. Beliau serta ahli rombongannya yang berasal dari Minangkabau, Luak Kabupaten Tanah Datar, Luak Agam telah menghiliri Sungai Rokan, Siak Kampar, Indra Giri dan kemudiannya menuju ke Pantai Timur Sumatera iaitu pada tahun 1457.²⁴ Setelah

²³ Dato' Komo Haji Duaji bin. Bakar, *Sejarah Luak Jempol dan Adat Istiadatnya*. hlm.2.

²⁴ *ibid.*

itu, mereka menyeberang Selat Melaka dan kemudiannya singgah di Naning, Linggi, Rembau, Sri Menanti, Jelevu, Ulu Muar, Pasir Besar dan akhirnya bertapak pula di Jempol ini. Di Jempol kawasan yang mula-mula menjadi persinggahan mereka ialah di Penarikan Jempol, kemudian Lonek, Batu Kikir, Terentang, Padang Lebar, Keru dan sehingga ke Tengkek.

Peta 5: Kedudukan kampung-kampung di Daerah Jempol.



Sumber: Jabatan Ukur dan Pemetaan, Negeri Sembilan.

Sebelum mereka ingin membuka penempatan di kawasan Jempol ini, terlebih mereka pergi berjumpa dengan suku kaum asli untuk memohon izin bermaustatin bersama, untuk terus menetap di kampung tersebut, membuka kampung halaman serta untuk bersawah dan berladang. Setelah mendapat

persetujuan daripada suku kaum asli tersebut, maka bermulalah penempatan mereka di Jempol yang pada mulanya dari sebuah pondok kecil hinggalah menjadi sebuah daerah atau juga disebut sebagai Luak.

Kehadiran perantau-perantau ini telah disambut baik oleh anak tempatan yang pada masa itu belum begitu ramai, hanya kedapatan beberapa buah rumah sahaja di situ. Mengikut sejarahnya, perantau-perantau yang datang ke Penarikan Jempol adalah kerana kawasannya yang mempunyai tanah yang subur dan pamah. Ini telah membuatkan perantau-perantau tersebut begitu berminat untuk membuat penempatan di situ.

Dengan itu, mereka mencari ketua kampung tersebut yang bernama Tok Batin Pancat. Setelah sampai ke rumah tersebut, maka mereka pun menyatakan hasrat dan tujuan kedatangan mereka. Kedatangan golongan perantau tersebut diberi layanan yang baik dan kehadiran mereka disambut dengan linangan air mata tanda perasaan terharu. Tok Batin Pancat, membenarkan tujuan mereka malah mengajak bersama-sama untuk memajukan kawasan tersebut. Tok Batin Pancat menyeru: *untung ke bukit sama didaki, kelurah sama dituruni, ke laut sama direnangi, cicir sama rugi, dan dapat sama laba*. Begitulah kata yang diluahkan oleh Tok Batin Pancat, setelah menjamu perantau-perantau tersebut sepuas-puasnya dan berehat.

Pada keesokannya, bermulalah penerokaan mereka dengan membuat pondok terlebih dahulu sebagai tempat berteduh. Tok Batin Pancat pula membahagi-bahagikan hutan untuk diteroka. Semakin hari kawasan penorakaan mereka menjadi semakin maju. Sawah dan ladang telah diteroka, kawasan kampung halaman semakin luas, para penghuninya turut bertambah ramai.

Masyarakat Minangkabau begitu mementingkan tanah kerana bagi memenuhi definisi anggota Adat Perpatih tulen ialah seseorang yang ada tanah untuk tapak rumah, tanah untuk kuburnya bila mati dan tanah untuk bersawah. Terdapat dua cara untuk mendapatkan tanah dalam masyarakat Adat Perpatih iaitu pertama, harta pusaka dan kedua ialah dengan mencari tanah dengan hasil titik peluh sendiri. Harta pusaka tidak besar kecuali dalam keadaan yang tertentu seperti orang kaya yang mempunyai hanya seorang anak perempuan. Namun hal ini, jarang sekali berlaku.

Tujuan tanah pusaka itu ialah memberi asas ekonomi secukup hidup sahaja. Melalui asas inilah seseorang itu digalakkan berusaha untuk mendapatkan tanah carian sendiri. Kepada orang Semenda dijelaskan bahawa: *Sekarang diberilah dikau memerintah bendul yang empat. Maka dikau belalah sawah ladang kampung halaman. Mana yang ada, bela pelihara. Mana yang tidak ada, kau cari belikan. Sudah ada kau tambahkan.* Kini mereka hidup dengan aman dan damai setelah mengalami perubahan sosial yang dibawa oleh masyarakat Minangkabau. Sesuailah dengan pepatah dari Adat Perpatih iaitu:

*Ibu adat ialah muafakat,
Usang-usang diperbaharui,
Yang lapuk disokong,
Yang elok dipakai,
Yang buruk dibuang,
Melihat contoh pada yang lampau,
Melihat tuah pada yang menang,
Yang senteng dilabuhkan,
Yang panjang dikeratkan,
Yang rumpang disisit.*

Masyarakat Minangkabau memang terkenal dengan masyarakat adat yang hidup berkampung-kampung, bersyarikat dan bekerjasama sesama suku dan dengan suku-suku yang lain.

Namun begitu, terdapat juga pendapat atau sumber yang ditemui oleh penulis bahawa asal-usul peneroka awal yang meneroka kawasan Jempol. Hasil daripada penulisan Wan Sharifah binti Wan Ghani, melalui karyanya yang bertajuk Luak Tanah Mengandung Jempol dalam Budaya Negeri, keluaran Januari 1991, mengatakan bahawa peneroka awal ke daerah Jempol adalah terdiri daripada sembilan orang sahabat yang berasal dari Sumatera Utara iaitu di bahagian Banjaran Gunung Berapi perkampungan Kerinci.. Walau bagaimanapun, tidak terdapat bukti yang sahih bagi menjawab persoalan ini. Bersama-sama dengan kedatangan sembilan orang sahabat ini adalah pengikut-pengikutnya.

Hasil daripada kajian, penulis dapati cerita pembukaan daerah Jempol ini mempunyai perkaitan malah hampir sama maklumat-maklumat yang di perolehi. Antaranya ialah cara perantau-perantau tersebut mula untuk meneroka kawasan penempatan di Jempol. Ceritanya mempunyai persamaan, apabila ketika mereka ingin meneroka penempatan tersebut terlebih dahulu mereka meminta keizinan daripada suku kaum asli yang terdapat di situ.

Setelah beberapa lama mereka tinggal di penempatan baru tersebut, semakin ramai penduduknya hingga bertukar menjadi sebuah pekan kecil. Kegiatan perdagangan turut berkembang di sini dengan kehadiran para pedagang. Pekan kecil tersebut terletak di Kampung Jambu Lapan, Kuala Jempol. Dikatakan juga bahawa Kampung Jambu Lapan ini merupakan kampung yang terawal di buka. Kesan kedatangan para pedagang ke daerah Jempol masih terdapat hingga kini walaupun telah berlaku semasa penjajahan pihak Inggeris dahulu. Antara

kesan-kesan tersebut ialah sebuah Rumah Pasong di Kuala Jelai serta Rumah Persinggahan di Kuala Jempol. Inilah dikatakan sejarah Balai Polis daerah Jempol sebelum berpindah ke Bahau.

3.2 SEJARAH LALUAN PENARIKAN DI JEMPOL.

Jempol, selain daripada terdapatnya peristiwa-peristiwa yang diceritakan oleh orang-orang tua, berlaku juga sejarah semasa zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka iaitu pada kurun ke-15. Penarikan yang terletak di Kuala Sungai Jempol merupakan jalan perdagangan terpenting di antara negeri Melaka dan Pahang. Ini kerana, kira-kira setengah batu dari Sungai Muar terdapat pula Sungai Serting yang mengalir masuk ke Sungai Pahang. Melalui jalan inilah, para pedagang dari Melaka akan mudik ke Sungai Muar dan kemudiannya merentas jalan darat pula setelah sampai ke Penarikan. Setelah itu, mereka akan turun ke Sungai Serting dan menghilir ke Sungai Pahang.

Kini jalan ke Penarikan, adalah terletak berhampiran dengan kawasan perumahan dan sekolah Menengah Dato' Mansor. Di sekitar kawasan ini terdapat tiga batang sungai iaitu Sungai Serting, Sungai Muar dan Sungai Jempol. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, sungai-sungai ini amat penting sebagai jalan untuk pergi ke Pahang. Penarikan ini digunakan oleh para pedagang untuk mengelakkan diri dari gelora Monsun Timur Laut China Selatan. Kegunaan jalan ini juga dapat memendekkan perjalanan dari Melaka ke Pahang dan juga sebaliknya.

Penarikan kini dikenali sebagai laluan sejarah di Jempol akibat daripada aktiviti perdagangan yang berlaku di antara negeri Melaka dengan negeri Pahang. Jalan Penarikan yang juga dikenali sebagai *Londar Siam* adalah merupakan

sebatang jalan darat tertua diketahui di Semenanjung Malaysia.²⁵ Di samping itu, jalan Penarikan juga merupakan jalan alternatif kepada jalan laut, iaitu melalui Temasik di selatan Semenanjung Malaysia, yang agak jauh dan berbahaya pada musim monsun. Nama asal-usul Penarikan juga mempunyai peristiwa yang menarik.

Jalan ini menghubungkan dua batang sungai iaitu Sungai Serting di sebelah utara yang mengalir masuk ke Sungai Bera. Sungai Bera pula mengalir masuk ke Sungai Pahang dan Sungai Jempol di selatan yang mengalir masuk ke Sungai Muar. Kedua-dua sungai ini adalah terletak di daerah Jempol dan jarak terdekat di antara kedua-dua sungai ini adalah kira-kira 0.6 km.

Terdapat sebuah peta Jalan Penarikan yang terawal telah dilakarkan oleh seorang ahli geografi Eropah iaitu pada abad ke-16. Berdasarkan catatan dipeta berkenaan, wujudnya sebatang terusan yang melintangi Semenanjung Tanah Melayu dari Pantai Barat ke Pantai Timur yang bernama Sungai Muar. Dalam peta tersebut, tidak dapat dikenal pasti Jalan Penarikan yang menghubungkan Sungai Pahang (ditulis sebagai *paham* didalam peta) dengan Sungai Muar. Namun begitu, ada dinyatakan dengan kukuh tentang wujudnya sebatang jalan darat yang sebahagian besarnya memudiki Sungai Muar dan menghiliri Sungai Pahang.

Walau bagaimanapun, pelukis peta ini hanya dapat mengkonsepsikan jalan tersebut sebagai 'terusan'. Hal ini disebabkan pemetaan yang dilakukan adalah berdasarkan daripada cerita lisan yang diperolehi daripada penduduk tempatan. Pelukis sendiri pun tidak pernah menggunakan atau melalui terusan tersebut.

²⁵ Norhalim Hj. Ibrahim & Jamaludin b. Samsudin, Jalan Penarikan Laluan Sejarah Di Jempol, *WARISAN*, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, 1998, hlm.28.

Walaupun peta lakar ini tidak begitu jelas, namun adalah merupakan satu bukti bahawa Jalan Penarikan telah popular dan terkenal dikalangan penduduk, pedagang setempat dan juga pedagang barat pada abad ke-16.

Disebabkan peta pada abad ke-16 ini, telah mendorong seorang pengembara Portugis, Emmanuel Godinho d' Eredia untuk mengembara ke bahagian pedalaman Melaka pada awal ke-17. Pengembaraan ini bertujuan untuk menyiasat tentang kewujudan 'terusan' tersebut. Beliau mendapati 'terusan' dalam peta yang dilakar oleh ahli geografi Eropah tersebut tidak wujud dalam erti kata sebenarnya. Hasil daripada pengembaraan serta penyelidikan yang dilakukan, beliau telah menemui Jalan Penarikan. Penemuan ini telah dilakarkan menjadi peta dalam tahun 1613.

Berdasarkan peta Eredia ternyata bahawa Jalan Penarikan ini merupakan sebuah jalan darat yang menghubungkan Sungai Muar (*Rio de Mvar*) dengan Sungai Pahang (*Rio de Pam*). Eredia juga telah menandakan di mana letaknya serta mencatat sekali nama Jalan Penarikan itu. Di samping berbuat demikian, Eredia juga telah menandakan rangkaian jalan darat yang menghubungkan Jalan Penarikan dengan Melaka yang pada ketika itu di bawah kuasa Portugis.

Secara langsungnya, peta Eredia dan peta abad ke-16 ini menunjukkan betapa pentingnya Jalan Penarikan pada abad ke-16 dan ke-17. Jalan Penarikan pada ketika itu merupakan satu-satunya jalan laluan darat dari pantai barat ke Pahang serta ke tempat-tempat yang lain di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu.

Dengan itu, para pedagang yang datang dari arah pantai barat, harus memudiki Sungai Muar dan kemudian ke Sungai Jempol hingga ke pengkalan di

Kampung Bukit Laka. Dari pengkalan tersebut, perahu-perahu terpaksa ditarik kerana melintasi kawasan daratan untuk sampai ke pengkalan yang terletak di Sungai Serting. Setelah itu, para pedagang menghiliri Sungai Serting dan kemudiannya masuk ke Sungai Bera hingga sampai ke Sungai Pahang untuk menjalankan aktiviti perdagangan di kuala iaitu kini dikenali bandar Pekan. Akibat daripada perbuatan *menarik* perahu inilah menyebabkan laluan tersebut dinamakan sebagai Jalan Penarikan.

Walau bagaimanapun, perbuatan menarik perahu ini ingin dihapuskan dengan membina sebuah terusan bagi menemukan Sungai Serting dan Sungai Jempol. Mengikut cerita lisan, orang Siam pernah diupah menggali satu terusan untuk menghubungkan Sungai Serting dan Sungai Jempol supaya tidak perlu lagi menarik perahu di atas daratan. Namun usaha tersebut terpaksa diberhentikan kerana hampir semua mereka mati disebabkan oleh sejenis penyakit. Penyakit tersebut adalah berpunca daripada sewaktu mereka melakukan kerja-kerja membuat terusan.

Pada ketika itu mereka telah menemui siput babi yang terlalu banyak. Dengan itu mereka telah memakan siput babi tersebut dan ini menyebabkan mereka mengalami keracunan dan mati beramai-ramai di situ.²⁶ Kesan penggalian terusan tersebut masih terdapat hingga sekarang iaitu di tebing utara Sungai Jempol di tempat bermulanya Jalan Penarikan.

Jalan Penarikan secara khususnya tidaklah diketahui dengan tepat mengenai sejarah awal penggunaannya. Kenyataan mengenai laluan ini hanya diperolehi daripada dokumen lain yang secara kebetulan ada menyebutnya.

²⁶ A. Samad Idris, Abdul Muluk Daud, Haji Muhd Tainu, & Norhalim Hj. Ibrahim, *Negeri Sembilan Gemuk Berpupuk Segar Bersiram; Luak Tanah Mengandung*, hlm. 92.

Dikatakan juga Laluan Penarikan telah mula digunakan oleh para pedagang dari pantai barat Semenanjung seperti dari Kelang dan Muar untuk ke bahagian Pantai Timur dan juga sebaliknya. Penggunaan laluan ini adalah untuk urusan perdagangan serta sebagai jalan pergerakan tentera sejak zaman kerajaan Langkasuka dalam abad pertama tahun masihi serta kerajaan Majapahit pada abad ke-13 dan 14 tahun masihi.

Pada awalnya Jempol tidak dikenali, namun setelah kerajaan Melayu Melaka mengalami kekalahan dalam peperangan dengan Portugis pada 24 Ogos 1511 ianya mula menjadi tumpuan. 'Sejarah Melayu' melalui penulisan Tun Sri Lanang ada menceritakan beberapa peristiwa mengenai Jempol. Antaranya, seperti peristiwa para pembesar Melaka terpaksa berundur ke Jempol (Penarikan).

Terdapat beberapa petikan yang terkandung dalam buku Sejarah Melayu susunan Tun Seri Lanang ada menunjukkan kawasan daerah Jempol telah pun wujud pada abad ke-15. Petikan yang pertama: 'jalan ini telah digunakan oleh Awi Cakri, panglima Siam untuk menyerang Melaka dari Ulu Pahang pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah iaitu pada tahun 1444-1456'. Kedua, "pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah iaitu pada tahun 1456 atau 1459 hingga 1477, Bendahara Paduka Raja, atas titah sultan telah menyerang Pahang melalui Jalan Penarikan".²⁷

Di samping itu, penulis juga ada menemui peristiwa bersejarah yang berkaitan dengan Jalan Penarikan selain daripada petikan di atas. Antaranya ialah apabila Melaka ditawan oleh Portugis pada 10 Ogos 1511, Sultan Melaka yang terakhir, iaitu Sultan Mahmud Shah, mengundurkan diri ke Hulu Muar, Pagoh

²⁷ Norhalim Hj. Ibrahim dan Jamaludin bin Samsudin, Jalan Penarikan Laluan Sejarah Di Jempol, *WARISAN*, hlm. 30.

(sesetengahnya mengatakan ke Penarikan). Baginda seterusnya pergi ke Pahang ke Bintan (Riau), dan akhirnya ke Kampar lalu mangkat di situ pada tahun 1528'.²⁸ Terdapat juga catatan-catatan mengenai peristiwa Jalan Penarikan pada abad ke-16. Contohnya, 'setelah mendapat berita bahawa Wan Ahmad berjaya di Pahang, Sultan Ali pun bertolak dari Umbai ke Ulu Muar, melalui Sungai Serting dan menuju ke Pekan, Pahang'.²⁹

Dengan perolehan data serta contoh-contoh yang ditemui ternyata bahawa Jalan Penarikan telah wujud sejak zaman kerajaan Melayu Melaka lagi iaitu pada abad ke-15. Namun begitu telah diketahui bahawa aktiviti perdagangan antara di bahagian pedalaman negeri-negeri kota yang terletak di bahagian pesisir Semenanjung Tanah Melayu telah lama berlangsung. Oleh itu, besar kemungkinan Jalan Penarikan ini telah digunakan lebih awal daripada itu, iaitu pada zaman keagungan kerajaan Langkasuka, Srivijaya, Palembang, Majapahit iaitu pada abad ke-14. Semenjak daripada abad-abad tersebut, jalan ini terus digunakan sehingga awal abad ke-20.

Setelah itu, kepopularan Jalan Penarikan ini mulai merosot apabila kerajaan Inggeris membina landasan kereta api yang menghubungkan Bahau dengan Kuala Pilah. Seterusnya menghuibungkan dengan kawasan Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu. Landasan keretapi tersebut telah pun siap dibina dalam tahun 1931. Semenjak daripada itu, Jalan Penarikan mula mengalami zaman kemerosotan penggunaanya.

²⁸ Abdullah Zakaria Ghazali, *Istana dan Politik Johor (1835-1885)*. Kuala Lumpur, Yayasan Penataran Ilmu, 1997, hlm. 4.

²⁹ Ibid, hlm. 43.

Di samping terdapatnya peristiwa-peristiwa bersejarah yang diceritakan dalam 'Sejarah Melayu' semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka, ialah Jalan Penarikan yang turut digunakan dalam pemberontakan Mat Kilau. Dipercayai bahawa, terdapat dua orang ketua adat iaitu Panglima Muda Jempol yang berasal dari kampung jempol ditebing Sungai Jempol dan Datuk Maharaja Perba Jelai, di Jelai bersama-sama dengan pengikut mereka turut membantu Mat Kilau. Mereka menyerang pasukan Hugh Clifford di Kuala Lipis dan berjaya membunuh dua orang Inggeris di Sungai Duri berhampiran kuala Sungai Cini. Dengan itu, sepasukan polis dari Pahang telah pergi ke Sungai Jempol, melalui Jalan Penarikan dan menangkap 21 orang pengikut Panglima Muda Jempol. Panglima berkenaan telah meninggal dunia dan dikebumikan di Kuala Sungai Jempol. Dipercayai juga pusara lama tidak bertanda yang berada di bawah pokok beringin, berhampiran dengan kuala Sungai Jempol adalah merupakan pusara Panglima Muda Jempol.³⁰

Bagi memperingati jalan Penarikan ini terdapat satu puisi yang ditulis oleh Rahimi NS, bertajuk Dibalut Kekaruan Di Penarikan.³¹

3.3 MEMPEROLEHI TANAH

Dalam Adat Perpatih, 'tanah' merupakan salah satu komponen utama khasnya tanah pusaka atau kini disebut sebagai tanah adat. Semasa awal penerokaan, masyarakat Minangkabau hanya meminta kebenaran daripada Tok Batin untuk memiliki tanah bagi membuka penempatan. Namun setelah kedatangan pihak

³⁰ Norhalim Hj. Ibrahim dan Jamaludin bin Samsudin, Jalan Penarikan Laluan Sejarah Di Jempol, *WARISAN*, hlm. 32.

³¹ A.Rahim b. Haji Ismail, Sebelum Jempol Bernama Jempol, *WARISAN*, hlm. 16.

British ke Negeri Sembilan, sistem hak untuk memiliki tanah telah mengalami perubahan walaupun secara berperingkat-peringkat. Perkara ini berlaku kerana pengaruh British di Negeri Sembilan meluas secara berperingkat-peringkat. Perluasannya berlaku sedemikian adalah kerana minat pihak British tertumpu pada kawasan-kawasan yang kaya dengan hasil galian bijih.

Pada masa kedatangan British ini, daerah Jempol adalah di bawah pentadbiran Kuala Pilah. Kedatangan pihak British ke daerah ini adalah disebabkan Perang Bukit Putus yang berlaku dalam tahun 1874. Perjanjian yang meletakkan Kuala Pilah di bawah pentadbiran British ialah Perjanjian 1887. Perjanjian ini memberi kuasa kepada pihak British iaitu *right of regulation of the collection and control of all Revenue and the General Administration of the country*.³²

Dengan itu, ketua pentadbir di peringkat daerah yang bergelar Pegawai Daerah telah dipertanggung jawabkan ke atas semua urusan pentadbiran yang berhubung dengan tanah. Contohnya menguruskan pendaftaran, memungut hasil tanah, menguruskan pemindahan hak milik, mengadakan kes-kes tuntutan ke atas hak milik tanah dan sebagainya. Melihat pada sistem pentadbiran yang diperkenalkan ini, ketua-ketua adat tidak lagi berperanan dalam pentadbiran kecuali dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan adat. Ini kerana mereka tidak layak untuk menjawat jawatan pegawai tadbir dalam sistem birokrasi. Namun bagi menjaga hati ketua-ketua adat, maka mereka diberi elaun bulanan.³³

³² Nadzan Haron, Pentadbiran Tanah Masyarakat Adat Di Kuala Pilah 1877-1957: Suatu Kajian Dari Perspektif Sejarah, dalam *Negeri Sembilan Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman*, Negeri Sembilan, Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan, 1994, hlm. 9.

³³ Elaun mereka adalah berbeza-beza mengikut hasil pungutan yang didapati dari sesuatu Luak dan mengikut kedudukan startifikasi social seseorang ketua adat itu. Elaun yang diterima ini

Pihak British telah memperkenalkan suatu sistem penyesuaian undang-undang tanah dari masa ke semasa demi mewujudkan suatu undang-undang tanah yang lengkap. Pegawai tadbir British dalam melaksanakan sesuatu perubahan itu harus teliti agar tidak bertentangan dengan agama dan adat istiadat orang Melayu. Dengan itu, bagi tanah kepunyaan masyarakat bukan Adat Perpatih perwarisan adalah berdasarkan hukum faraid atau adat masyarakat tersebut. Manakala bagi masyarakat Adat Perpatih perwarisan dan pembahagian, ada yang mengikut hukum-hukum adat dan hukum-hukum Islam.

Undang-undang dan bentuk pentadbiran tanah bagi daerah ini adalah merupakan persambungan dari kanun-kanun tanah dan bentuk pentadbiran tanah yang telah dipraktikkan di Negeri-negeri Selat, Selangor dan Perak. Ini adalah kerana penjajahan British ke atas negeri-negeri tersebut adalah lebih awal. Ini boleh dibuktikan dengan melihat sistem pendaftaran tanah yang terdapat dalam Land Regulation 1887 dan General Land Regulations 1889. Sistem ini merupakan sistem yang diperkenalkan oleh Maxwell di Negeri-negeri Selat berpandukan kepada *sistem Torrens*.

Sistem Torens ini menekankan bahawa setiap dokumen hak milik yang dikeluarkan adalah sah, dilindungi undang-undang yang tidak boleh disangkal dan dipersoalkan. Setiap hak milik yang dikeluarkan mestilah didaftarkan dengan jelas. Sistem ini dilaksanakan kerana ianya bermatlamatkan untuk memudahkan urusan yang berkait dengan tanah dan untuk menjamin kekukuhan hak milik bagi semua pemilik tanah yang telah didaftarkan.

juga bergantung kepada jumlah penduduk disesuatu Luak, sekiranya penduduknya ramai maka banyaklah hasil pungutannya dan lebihlah elaun yang diterima oleh ketua adat.

Perkara ini berbeza dengan sebelum kedatangan Eropah dan bertapaknya pemerintahan kolonial British. Tanah merupakan salah satu tunjang kepada Adat Perpatih. Hak milik tanah pada ketika itu belum lagi wujud lagi konsep geran tanah atau hak milik pegangan bebas terhadap tanah adat khususnya. Hal ini demikian kerana keseluruhan tanah adat dalam sistem feudal adalah hak raja. Setiap keping tanah adat tidak mempunyai geran dan tidak ditentukan pula sempadannya dari segi fizikal.

Dalam konteks Adat Perpatih, tanah ketika itu termasuk tanah adat adalah kepunyaan ketua terbesar adat, seperti Datuk Lembaga dan Undang dalam sesebuah luak. Sesiapa yang mengerjakan tanah adat, secara konsepnya hanya mempunyai hak ‘mengguna’sahaja. Ketika itu tidak wujud konsep cukai tanah seperti hari ini. Kalaupun dikenakan cukai hanya berupa hadiah iaitu hasil tananam kepada para pembesar tempatan.³⁴

Setelah *Sistem Torrens* digunakan, maka diperkenalkanlah konsep *contractual right* atau hak kontrak kerana setiap keping tanah ditentukan dengan jelas sempadan fizikal dan pemilikinya, yang tercatat dalam dokumen yang berbentuk geran tanah. Dengan itu, untuk memperakukan secara rasmi pemilikannya, tuan tanah dikehendaki membayar cukai tanah setiap tahun. Malah sebarang urusan jual-beli tanah adat perlu melalui Pejabat Tanah. Mengikut sistem Adat Perpatih, individu yang didaftarkan sebagai penama ialah semua waris perempuan sesuatu perut atau suku yang berhak terhadap setiap keping tanah adat tersebut.

³⁴ Shamsul Amri Baharudin, *Dilema Tanah Adat*, Dewan Budaya, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm18.


3.4 KESIMPULAN

Sejarah pembukaan dan penerokaan masyarakat Minangkabau ke Daerah jempol adalah merupakan satu kegiatan tradisi mereka yang sukakan merantau. Di samping itu, Daerah Jempol juga merupakan jalan atau laluan yang dianggap bersejarah iaitu terdapat di Penarikan. Penarikan telah digunakan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka iaitu sebagai laluan perdagangan ke Pahang.


Selain itu, masyarakat Minangkabau menganggap tanah adalah merupakan sesuatu yang amat penting. Dengan itu, mereka akan cuba berusaha bagi mendapatkan sebidang tanah untuk bertani. Cara untuk memperolehi tanah ini mengalami perubahan iaitu selepas kedatangan pihak penjajah ke Tanah Melayu.

LAMPIRAN


Panorama Alam Minangkabau



Masjid di Padang Panjang, Sumatera Barat.




Pemandangan Ngarai Sianok, di Bukit Tinggi, Sumatera Barat.



Jam Gadang, Bukittinggi, Sumatera Barat.



Istana Hinggap pada abad ke-17, bercirikan rumah Minangkabau.



Peta Sumatera



NEGERI SEMBILAN

Warta Kerajaan

DEUTERIUM IN REGIM FIDELITY

GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN, 1979

11 NOVEMBER 1979

No. 12
1979

29th November, 1979

11 NOV 1979

No. 12

11 NOV 1979

11 NOV 1979

Perkembangan ekonomi Negeri Sembilan telah menunjukkan kemajuan yang pesat. Sektor pertanian, industri, perdagangan, perikanan, dan sektor lain telah berkembang pesat. Sektor pertanian telah berkembang pesat. Sektor industri telah berkembang pesat. Sektor perdagangan telah berkembang pesat. Sektor perikanan telah berkembang pesat. Sektor lain telah berkembang pesat.

Manajemen Negeri Sembilan telah menunjukkan kemajuan yang pesat. Sektor pertanian, industri, perdagangan, perikanan, dan sektor lain telah berkembang pesat. Sektor pertanian telah berkembang pesat. Sektor industri telah berkembang pesat. Sektor perdagangan telah berkembang pesat. Sektor perikanan telah berkembang pesat. Sektor lain telah berkembang pesat.

Perkembangan ekonomi Negeri Sembilan telah menunjukkan kemajuan yang pesat. Sektor pertanian, industri, perdagangan, perikanan, dan sektor lain telah berkembang pesat. Sektor pertanian telah berkembang pesat. Sektor industri telah berkembang pesat. Sektor perdagangan telah berkembang pesat. Sektor perikanan telah berkembang pesat. Sektor lain telah berkembang pesat.

Manajemen Negeri Sembilan telah menunjukkan kemajuan yang pesat. Sektor pertanian, industri, perdagangan, perikanan, dan sektor lain telah berkembang pesat. Sektor pertanian telah berkembang pesat. Sektor industri telah berkembang pesat. Sektor perdagangan telah berkembang pesat. Sektor perikanan telah berkembang pesat. Sektor lain telah berkembang pesat.

Manajemen Negeri Sembilan telah menunjukkan kemajuan yang pesat. Sektor pertanian, industri, perdagangan, perikanan, dan sektor lain telah berkembang pesat. Sektor pertanian telah berkembang pesat. Sektor industri telah berkembang pesat. Sektor perdagangan telah berkembang pesat. Sektor perikanan telah berkembang pesat. Sektor lain telah berkembang pesat.

MOHD HOOR BIN OTHMAN
Menteri Besar Negeri Sembilan
11 November 1979

Warta Kerajaan Negeri Sembilan

SENARAI RUJUKAN

- A. Kadir Jasin. 2002. *Information Malaysia 2002*. Kuala Lumpur. Berita Publishing Sdn. Bhd.
- A. Samad Idris. 1968. *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*. Kuala Lumpur. Utusan Melayu.
- _____. 1990. *Payung Berkembang*. Kuala Lumpur. Pustaka Budiman.
- A. Samad Idris, Abdul Muluk Daud, Haji Muhd Tainu, Norhalim Hj. Ibrahim. 1994. *Negeri Sembilan Gemuk Berpupuk Segar Bersiram Luak Tanah Mengandung*. Muzium Negeri, Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus.
- A. Samad Idris, Norhalim Hj Ibrahim, Muhd Tainu, Dharmala NS. 1994. *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram, Adat Merentas Zaman*. Negeri Sembilan. Jawatankuasa Penyelidik Budaya Negeri Sembilan.
- A. Rahim b. Hj. Ismail. 1990. Sebelum Jempol Bernama Jempol. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- Anwar Ibrahim. 1986. *Pakaian Adat Tradisional Daerah Sumatera Barat*. Padang. Department Pendidikan dan Kebudayaan Projek Inventerisasi dan Dokumentasi Kebudayaan Barat.
- Buyung Adil. 1981. *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cheah Boon Kheng. 2001. *The Encyclopedia of Malaysia: Early Modern History*

1800-1940. Singapore. Archipelago Press an imprint of Editions Didier Miller Pte. Ltd.

Dato' Komo Hj. Duaji bin Bakar. *Sejarah Luak Jempol dan Adat Istiadatnya*. Negeri Sembilan. Jawatankuasa Penyelidik Budaya Negeri Sembilan.

Gullick J.M. 1920. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hj. Ismail bin Abdul Hadi. 2004. *Peralatan Muzik Tradisional*. Koleksi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

L. Martin. 1987. *The Negri Sembilan Their Origin and Constiution*. JSBRAS VOL. XIV.

_____. 1887. *The Negri Sembilan*, JSBRAS. Vol xix.

Lokman Abdul Samad. 2003. *Pemartabat Tamadun Bangsa*. Dewan Budaya. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Md. Darus Hj. Abdul Manaf. 2002. *Teratak Za' ba: Lambang Warisan Kesarjanaan*. Jendela Warisan. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

Mochtar Naim, Hasan Basri Durin, Emil Salim, Alfian Arbie Taufik Abdullah, Chairol Harun, Yoesuf Scuyb, Usman Pelly. 1984. *Minangkabau Minangrantau*. Jakarta. Penerbit Madju.

- Mohd Hisa Tahat. 1987. Sejarah Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- Muhammad bin Hj. Mahyuddin. 1996. *Koleksi di Masjid-masjid Negeri Sembilan*. Penerbit Bahagian Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.
- Nathan. J.E. dan Wnstedt. R.O. 1920. *Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir and Terachi. Papers on Malay Subjects*. Culcutta Federated Malay States.
- Negeri Sembilan. 1979. Akta Tanah Negara. *Warta Kerajaan Negeri Sembilan*.
- Noone. H.D. 1939. *The Penarikan and Bernam Land Routes*. JMBRAS. VOL XIX.
- Nordin Selat. 1976. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur. Utusan Melayu Malaysia Bhd.
- Norizan Hj. Ayang. 2001. Skrip Drama: Sepintas Llu Jalan Penarikan Lagenda Sejarah Melayu. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1989. Sistem Masyarakat Negeri Sembilan. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- _____. 1995. *Negeri yang Sembilan*. Shah Alam. Fajar Bakti.
- Norhalim bin Hj. Ibrahim dan Jamaludin bin Samsudin. 1998. Jalan Penarikan Laluan Sejarah Di Jempol. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

- Norleila Ismail. 1993. *Sistem Politik dan Pengaruh Kebudayaan Minangkabau Negeri Sembilan. Studi Kasus Pemerintahan Tunku Mohamad (1898-1933)*. Padang. Fakultas Sastra Universitas Andalas.
- Rahimi. 1998. Negeri Sembilan. Asal-Usul Nama-nama Kampung dalam Mukim Ulu Jempol di Daerah Kuala Pilah. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
1975. *Sejarah Sekolah-sekolah di Negeri Sembilan 1870-1974*, Kementerian Pelajaran Malaysia. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- Sharifa Khan, Khoo Kay Kim. 1986. *The Making of Modern Negeri Sembilan 1874-1898*. Taman Seni Budaya Negeri Sembilan.
- Sheehan J.J dan Abdul Aziz b. Khamis. *Adat Kuala Pilah*. JMBRAS.vol xix.
- Syed Alwi b. Sheikh Al-Hadi. 1965. *Adat Resam Melayu dan Adat Istiadat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Anuar b. T. Dalam. 1997. *Asas-asas Kenegaraan Malaysia*. Kuala Lumpur. Al-Azim Sdn. Bhd.
- Wan Sharifah bt. Wan Ghani. 1991. *Luak Tanah Mangandung*. Budaya Negeri. Negeri Sembilan.
- Winsted R.O. 1961. *The Malay, A Cultural History*. London. Routledge & Kegan Paul Ltd.